



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Mei 26, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Muhammad Hakimi dan Saritha dinobatkan Olahragawan/Olahragawati UPM 2016



Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto: Marina Ismail

SERDANG, 19 Mei – Atlet lompat kijang negara, Muhammad Hakimi Ismail dan atlet memanah kebangsaan, Saritha a/p Cham Nong dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) ke- 32, Tahun 2016.

Masing-masing menerima wang tunai RM1,000 berserta jaket, trofi, jam tangan dan sijil yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran.

Muhammad Hakimi, 25, pelajar Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani), Fakulti Pengajian Pendidikan UPM adalah pemegang rekod kebangsaan dan Sukan SEA. Beliau berharap mampu memperbaiki lompatan sejauh sembilan sentimeter lagi daripada catatan perbadinya 16.76 meter.

Beliau akan menjalani latihan dan menyertai tiga kejohanan di Almaty, Kazakhstan sepanjang bulan Ramadan ini bagi menerusi misi melayakkan diri ke Sukan Olimpik di Brazil pada Ogos depan.

Pelajar Bachelor Sains Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi Manusia UPM, Sarita pula berharap akan membawa pulang satu pingat daripada Kejohanan Universiti Dunia 2016 di Mongolia yang akan berlangsung pada 1 hingga 5 Jun ini.



Anugerah Olahragawan Harapan diterima oleh pelajar Bachelor Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Mohamad Lutfi Othman yang juga merupakan atlet sukan menembak, manakala Anugerah Olahragawati Harapan diterima oleh pelajar Bachelor Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Raden Nur Najwa Arifah Raden Dzulfakar dari Sukan Tenpin Bowling.

Anugerah Pasukan Cemerlang diterima oleh Pasukan Ragbi dan Pasukan Futsal Wanita, Anugerah Pengurus Cemerlang disandang oleh jurulatih ragbi, Muhammad Zyuraidi Abd Najid; Jurulatih sepak Takraw, Mohd Raziziz Midin; jurulatih memanah, Faiz Mokhtar Lopi; jurulatih futsal wanita, Nor Azmi Sulaiman; jurulatih olahraga, Muhammad Malik Ahmad Tobias dan jurulatih hoki, Alansaufi Ahmad Sopian.

Anugerah Jurulatih Cemerlang dimenangi oleh Khairisul Ali Amet dan Shah Iran Sahar dari sukan ragbi, Liew Tek Wa (memanah); Hafizi Manap (sepak takraw); Khairul Zaini Zainan (olahraga), dan Hasrul Hassan (futsal wanita).

Pada majlis tersebut turut dilancarkan Buku Manual Prosedur Kerja Pusat Sukan yang dibangunkan oleh Pusat Sukan UPM pada awal tahun 2016 yang mengandungi prosedur kerja Pusat Sukan terhadap pelajar dan staf dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menguruskan bidang sukan di UPM.

Sementara itu, 185 pelajar yang cemerlang dalam Sukan UPM turut menerima anugerah. Seramai 105 pelajar menerima Anugerah Emas, 46 pelajar (Anugerah Perak), 24 pelajar (Penghargaan Setia Bakti) dan 10 pelajar (Penghargaan Khas) - UPM

